

Kepentingan pengurusan penyeliaan dari perspektif teori konstruktivisme

BICARA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. SABARIAH SHARIFF & CELLIA DAVID

UB 1.8.2018 B3

PENGURUSAN

penyeliaan dalam konteks organisasi dicerminkan sebagai suatu proses penguasaan yang melibatkan pertemuan secara bersemuka antara penyelia dan guru bagi menjana keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Pajak, 2008). Suatu proses kolaboratif yang bermakna dijangka berupaya dibangunkan bilamana interaksi berlangsung antara guru dan pentadbir selaku penyelia.

Namun, kemampuan untuk bersikap responsif terhadap input yang digarap melalui pelaksanaan penyeliaan akan menentukan sama ada fokus penyelesaian masalah dan penambahbaikan terhadap amalan pedagogi guru dapat dijayakan.

Hal ini bermakna, interaksi sosial dalam kalangan guru dan pentadbir amat berkait rapat dengan proses pemikiran individu selaku pembangun ilmu yang aktif ketika pelaksanaan pengurusan penyeliaan. (Thurlings et al., 2013) menjelaskan bahawa apabila dialog secara berterusan dan bermakna dipraktikkan maka proses pembelajaran akan berlangsung dengan efektif. Ciri ini mewakili perspektif teori konstruktivisme sosial iaitu pembelajar berupaya membina pemahaman dan

makna menerusi usaha kolaboratif dengan bantuan dan bimbingan daripada individu penyelia.

Teori konstruktivisme merujuk kepada proses pembinaan pengetahuan secara aktif oleh manusia yang berfikir (Norazilawati, Abdul Talib, Rosnidar, Noraini dan Norul Haida, 2013). Teori ini menerangkan bahawa manusia membina makna berkenaan dunia di persekitaran mereka dengan cara mensintesis pengalaman baharu terhadap sesuatu perkara yang telah difahami sebelumnya. Konstruktivisme secara konseptualnya melihat ilmu pengetahuan dapat dibangunkan secara aktif oleh setiap insan berpandukan kepada asas pengalaman yang telah dialami dalam kehidupan.

Dalam konteks pelaksanaan pengurusan penyeliaan, prinsip konstruktivisme juga membolehkan manusia mengaktifkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Vighnarajah, Wong Su Luan, Kamariah, 2008). Hal ini bermakna pengaplikasian teori konstruktivisme dalam proses pembelajaran guru dalam konteks penyampaian maklumat balas penyeliaan mencadangkan bahawa guru akan dapat mengadaptasikan diri dengan maklumat atau pengetahuan yang diperolehi (maklumat balas penyeliaan) dengan pengetahuan

sedia ada (pengalaman) untuk membangunkan pengetahuan baharu dalam mindanya dan seterusnya diterjemahkan ke dalam bentuk tindakan mentransformasikan pengajaran di bilik darjah.

Corak pembinaan pengetahuan baharu berlandaskan teori konstruktivisme mengandaikan bahawa guru akan dapat membentuk pemahaman yang lebih responsif. Dalam konteks ini, keupayaan daya responsif guru dilihat melalui sejauh mana guru melakukan anjakan paradigma bagi diri sendiri bagi mengubah pemikiran dan amalan pengajaran di bilik darjah yang bersesuaian dengan keperluan pembelajaran murid abad ke-21.

Bagaimanapun, kemampuan guru untuk membangunkan pengetahuan baharu memerlukan sumber sokongan daripada pihak pentadbir selaku penyelia dalam amalan pengajaran guru di bilik darjah. Di sinilah perlu dilihat sejauh mana pihak pentadbir selaku penyelia memberikan sumber pengetahuan melalui maklumat balas penyeliaan kepada guru sebaik sahaja guru selesai dicerap.

* Penulis adalah pesyarah kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS dan penuntut pengajian bagi program Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Pendidikan UMS